

22/09/2000

GKC didik remaja berdikari

Nor Affizar Ibrahim

DUNIA kanak-kanak dan remaja sering dikaitkan dengan belajar dan bermain. Ketekunan belajar dan keseronokan bermain ketika berada di peringkat itu dikatakan, antara saat paling indah dan manis dalam kehidupan seseorang.

Namun, pada zaman serba maju dan moden ini, kanak-kanak dan remaja tidak lagi tertumpu pada tradisi yang terikat itu. Sebaliknya, mereka juga semakin matang dan lebih bijak menyesuaikan dan menjadualkan masa yang mereka ada. Dan dengan galakan serta bimbingan ibu bapa, ada kanak-kanak dan remaja begitu bijak mengguna masa di samping mengasah bakat mereka mencari wang.

Antara contoh terbaik, tenaga muda yang menjadi tulang belakang rancangan kanak-kanak, Golden Kids Club (GKC) terbitan Television Airtime Services Sdn Bhd (TAS). Pada usia muda dan mentah, kanak-kanak berusia 11 hingga 15 tahun itu, sudah mampu 'berkerja' seakan orang dewasa yang mencari pendapatan untuk menampung hidup.

Pengalaman 'bekerja' pada usia seperti itu, bukan saja menambahkan ilmu pengetahuan tetapi tentunya memberikan pelbagai pengalaman menarik. Paling seronok, apabila mendapat imbuhan setimpal dengan tenaga dikerah.

Namun, bagi Khairul Azri Sabri, 15, yang mula membabitkan diri dengan GKC sejak usianya 11 tahun, memberitahu dia tidak pernah menganggap apa yang dilakukannya selama lima tahun ini, sebagai satu pekerjaan sepertimana dunia pekerjaan dilalui orang dewasa.

Menurut pelajar Sekolah Sri Cempaka ini, pembabitannya dalam GKC sebahagian daripada aktiviti masa lapangnya.

Katanya, dia seronok melakukan kerja di studio dan di lokasi kerana minat yang begitu cenderung dengan dunia penyiaran.

"Saya masih melalui peringkat remaja dan tidak perlu memikirkan untuk mencari wang. Sebab itu saya juga langsung tidak terfikir apa yang dilakukan ini sebagai satu pekerjaan. Saya akan lakukan jika suka dan boleh meninggalkannya bila-bila masa apabila jemu. Tetapi yang pasti, sehingga kini saya memang gembira membuat kerja di GKC," ujarnya yang mampu membuat kerja di sebalik takbir seperti penyuntingan filem dan menulis skrip.

Menurut Khairul, memang menggembirakan jika mendapat imbuhan hasil daripada titik peluh sendiri tetapi baginya, wang bukanlah segalanya. Sebaliknya, remaja ini lebih mementingkan pelajaran dan amat menyedari ia jaminan masa depannya untuk berjaya apabila dewasa kelak.

Menceritakan pengalaman manis sepanjang 'bekerja' Khairul berkata, antara kenangan tidak dapat dilupakannya ialah menemubual dua pemimpin besar di dunia iaitu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan juga Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Koffi Annan.

"Jika saya tidak menyertai GKC saya mungkin tidak mendapat peluang seperti itu. Selain itu, peluang menyertai GKC saya gunakan sepenuhnya untuk menimba pengalaman baru serta membantu rakan yang tidak bernasib baik dalam aktiviti kebajikan dalam segmen diketengahkan," ujarnya yang turut merancang melanjutkan pelajaran dalam bidang penyiaran.

Rakannya, Anthony Tan, 15, pula berkata, usia muda dan masih berada di bangku sekolah tidak menghalangnya 'bekerja' dan terikat dengan GKC.

Katanya, ketika bersama anggota GKC yang lain, mereka bagaikan satu 'keluarga besar' yang saling mengambil berat di antara satu sama lain.

"Seperti remaja lain, saya juga dapat menikmati keseronokan zaman remaja. Cuma caranya mungkin agak berbeza. Bagaimanapun, saya seronok

kerana dapat bersama rakan-rakan yang mempunyai sama minat. Lagipun tidaklah sepanjang masa, saya terikat dengan GKC. Adakala saya juga melakukan aktiviti yang remaja lain lakukan," ujarnya yang membabitkan diri dengan GKC ketika berusia 11 tahun.

Mengenai `pendapatan' diperolehinya, Anthony yang mulanya enggan memberitahu berkata, ada kala dia boleh mendapat RM500 sebulan atau lebih dan biasanya semua wang itu akan disimpan di bank sebagai tabungan masa depan.

"Saya beli barang jika saya rasakan perlu. Selebihnya, saya simpan untuk digunakan membiayai pelajaran saya di peringkat universiti nanti. Bapa saya sudah meninggal dunia, jadi saya mesti pandai menyimpan untuk masa depan," katanya.

Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Seafield itu memberitahu, dia bercita-cita menceburi bidang politik atau perniagaan selepas berjaya menamatkan pengajian di menara gading.

Ibunya, Amy Geh Guat Ching pula memberitahu dia tidak pernah risau dan menghalang minat Anthony untuk `bekerja'. Dia memberi kepercayaan penuh kepada anaknya kerana yakin dia tahu menilai yang baik dan buruk.

"Saya tidak risau kerana Anthony anak yang baik dan seorang yang cerdas dalam pelajaran. Dia tahu mengimbangkan jadual hariannya. Walaupun ada penggambaran di luar, dia tetap tidak lupa pada pelajaran," ujarnya.

Menurut Amy lagi, sejak Anthony `bekerja', perubahan paling ketara padanya ialah sikapnya yang boleh berdikari.

Katanya, selain itu Anthony juga dilihat pandai menyesuaikan diri setiap kali berdampingan orang dewasa.

Sementara, Lucia Guan menggalakkan anaknya menyertai GKC kerana baginya ia adalah antara cara didikan tidak formal untuk membina keyakinan diri anaknya.

"Sejak Jennifer menyertai GKC, saya lihat banyak perubahan pada dirinya. Jika dulu dia seorang yang amat pemalu dan terlalu bergantung kepada saya tetapi kini dia semakin banyak berubah dan mempunyai keyakinan diri lebih baik," katanya.

Menurut Lucia, bagi memastikan pelajaran anaknya tidak `tergelincir', dia akan membantu Jennifer menjadualkan masa.

"Soal mengabaikan pelajaran saya tidak perlu risau kerana di antara syarat yang ditetapkan oleh GKC, kanak-kanak terbabit perlu mengekalkan purata gred A dalam semua mata pelajaran untuk membolehkan mereka berada dalam kelompok GKC.

Bagi kanak-kanak yang ada masalah dengan pelajaran, biasanya akan direhatkan. Tetapi setakat ini Jennifer langsung tidak ada masalah dalam pelajarannya" jelasnya.

Anaknya, Jennifer Guan, 12, yang bertindak selaku pengacara dan penggerak dalam GKC berkata, untuk menyiapkan kerja sekolah ada kala dia membawa buku pelajaran ketika ada penggambaran.

Katanya, ruangan Kids Corner khas untuk ahli GKC bersantai dan membuat kerja sekolah memberikan keselesaan kepadanya dan juga anggota lain untuk menelaah dan menghabiskan kerja sekolah sementara menunggu giliran membuat rakaman.

"Saya seronok bersama GKC kerana dapat banyak kenalan. Ketika baru menyertai GKC, saya takut dan agak pendiam tetapi kini saya boleh bergaul dengan semua kawan-kawan," ujar anak sulung daripada tiga beradik ini.

Katanya, pengalaman yang tidak boleh dilupakan ketika GKC mengadakan penggambaran di Kelantan dua tahun lalu.

Menurutnya, disebabkan tidak pernah berjauhan dengan keluarga, dia menangis pada malam harinya.

"Tetapi itu cerita dulu ... sekarang ini kalau pergi mana pun saya tidak kisah lagi. Mengenai duit yang diperolehi pula, memanglah banyak dikumpul.

Duit itu saya tidak pernah bagi emak tetapi saya simpan semuanya di dalam bank," ujarnya.

(END)